



TARIKH :
3 OGOS 2009

MASA :
8.15 Pagi

TEMPAT :
Dataran Bangunan Canselori
Universiti Sains Islam Malaysia

ATURCARA MAJLIS

- 8.00 pagi** : **Ketibaan Kakitangan USIM**
: **Ketibaan Naib Canselor USIM**
: **Nyanyian lagu**
- **Negaraku**
 - **Lagu Negeri Sembilan**
 - **USIM Terus Maju**
 - **Satu Malaysia**
- : **Bacaan Doa**
: **Bacaan Ikrar dan Ikrar Kualiti**
: **Ucapan Naib Canselor**
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor
Hj. Husin
: **Bersurai**



IKRAR

Kami yang telah dilantik berkhidmat dengan kerajaan Malaysia berikrar, semasa dan selagi kami berkhidmat dengan kerajaan, kami patuh dan mengamalkan teras-teras perkhidmatan semasa menjalankan tugas-tugas. Ke arah itu kami akan :

- **Berazam meninggikan mutu perkhidmatan;**
- **Bekerja dengan penuh tanggungjawab;**
- **Berusaha mengikis sikap mementingkan diri sendiri;**
- **Berkhidmat dengan penuh muhibah dan kemesraan;**
- **Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan Negara;**
- **Bekerjasama dalam membanteras kelemahan dan musuh-musuh Negara; dan**
- **Berpegang teguh kepada ajaran agama**

NEGARAKU

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup bersatu dan maju
Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta
Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

USIM TERUS MAJU

Malaysia maju di zaman merdeka
Umatnya bergerak berganding bahu
USIM menyahut harapan bangsa
Menjadi universiti termaju

Cabaran masa teras kegiatan
Penyelidikannya untuk dunia
Terus progresif membina insan
Berdisiplin mengamal nilai mulia

Benteng harapan untuk terus maju
Menjadi universiti terkini
Meredah halangan mencipta mutu
Mengharum negara seluruh bumi

USIM berjanji pada ibunda
Berjasa berbudi untuk semua
Siswanya adalah tunggak Negara
Kan terus membela maruah kita

LAGU NEGERI SEMBILAN

Berkatilah Yang Dipertuan Besar
di Negeri Sembilan
Kurniai sihat dan makmur
Kasihi rakyat lanjutkan umur
Akan berkati sekelian yang sedia
Musuhnya habis binasa
Berkatilah Yang Dipertuan Besar
di Negeri Sembilan

SATU MALAYSIA

Berdiri,
Teguh nyata pupuk semangat
satu Malaysia
Sepakat,
Rakyat didahulukan pencapaian
diutamakan
Perpaduan,
Mendapat rahmat toleransi kaum
amalan bersama
Kejayaan,
Kita bangunkan satu Malaysia

Dalam capai satu tujuan
Tanggungjawab kita semua
Jadi teras bangsa mulia
Kita bina satu Malaysia

Satu Malaysia jadi pegangan
Rukun negara teras panduan
Satu Malaysia benteng negara
Rakyat Malaysia taat setia

Satu Malaysia jadi pegangan
Rukun negara teras panduan
Satu Malaysia benteng negara
Rakyat Malaysia taat setia.

IKRAR KUALITI USIM

Kami bertekad untuk menjadi sebuah Universiti bertaraf antarabangsa yang berteraskan pengajian Islam dengan membudayakan Sistem Pengurusan Kualiti dan berusaha untuk meningkatkan amalan ini secara berterusan.

Kami berikrar :

Sentiasa memberi perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti mengatasi keperluan dan harapan pelanggan.

Sentiasa mengamal kerja berpasukan secara profesional antara kakitangan dan juga pelanggan.

Sentiasa mengamal perbelanjaan yang berhemah dan optimum di bawah sasaran peruntukan belanjawan yang ditetapkan.